

**BAB 5**  
**PENGHAYATAN ETIKA KEAGAMAAN SEBAGAI**  
**PRASYARAT KEKAYAAN JIWA**

*Nur Azuki Yusuff dan Muhammad Hafizuddin Huji*

**PENGENALAN**

Kekayaan Jiwa lahir daripada jiwa yang bermaruah dan memiliki jati diri yang tinggi. Ia semestinya dimiliki oleh individu yang tinggi fahaman agamanya. Bab ini berusaha mengikat jiwa yang kaya dengan penghayatan etika keagamaan khususnya Islam. Dalam masa yang sama cuba menjelaskan bahawa penghayatan etika keagamaan yang menjadi antara kunci kekayaan jiwa. Isu dalam usaha menangani pandemik COVID-19 adalah kajian kes semasa yang dikongsikan dalam penulisan ini.

**KEKAYAAN JIWA, ETIKA DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL**

Sebagaimana perincian dalam bab sebelum ini berkaitan kemiskinan jiwa, namun bab ini membawa pembaca melihat dari sisi kekayaan jiwa pula. Dalam diri manusia terdapat titik Tuhan (*God Spot*) yang menandakan manusia tidak boleh hidup tanpa Tuhan. Justeru, etika keagamaan menjadi syarat penting menentukan kaya jiwa seseorang manusia.

Etika terbina daripada tataperilaku sosial berasaskan kesedaran sosial dan tanggungjawab yang digerakkan di peringkat individu dan masyarakat demi mencapai keharmonian, kelestarian dan kesaksamaan dalam masyarakat. Realiti sosial menggambarkan pengalaman hidup yang dilalui dan diterima oleh pelbagai kumpulan dan strata berdasarkan kepentingan peribadi dan norma hidup sejagat.